



**PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**PANDUAN PENTAULIAHAN PUSAT
BERTAULIAH DAN PUSAT PEPERIKSAAN
UJIAN TANPA MUSNAH**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	4
2.0	TAFSIRAN	4
3.0	SENARAI RINGKASAN	6
4.0	KRITERIA PENTAULIAHAN	7
4.1	Pemilikan Penyedia Latihan Kemahiran	7
4.2	Premis Latihan	8
4.3	Nama Pusat Bertauliah	8
4.4	Kurikulum Latihan	8
4.5	Kemudahan Fizikal	9
4.5.1	Infrastruktur	9
4.5.2	Kelengkapan, peralatan dan bahan latihan	9
4.6	Personel Pentaualiahan	10
4.6.1	Pengurus Latihan (PL)	10
4.6.2	Pengajar (NDT-I)	11
4.6.3	Jurutunjuk (JT)	13
5.0	STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM	14
5.1	Permohonan Pentaualiahan Program (Pusat Baharu)	15
5.2	Pembaharuan Pentaualiahan	15
5.3	Pentaualiahan Program Latihan Tambahan	16
5.4	Prubahan Program Bertauliah	16
5.5	Pindaan Maklumat Pentaualiahan Pertukaran Pemilikan Pusat Bertauliah	17
5.5.1	Pindaan Nama Pusat Bertauliah	17
5.5.2	Pindaan Nama Syarikat Pemilik	17
5.5.3	Pindaan Premis Pusat Bertauliah (melibatkan negeri yang sama sahaja)	17
5.5.4	Pindaan / Penambahan Personel Pentaualiahan	18
5.6	Pertukaran Pemilikan Pusat Bertauliah	18
5.7	Penamatan Pentaualiahan	19
5.8	Penggantungan atau Pembatalan Pentaualiahan	19
5.9	Gantian Sijil Akuan Pentaualiahan Yang Hilang atau Rosak	19

6.0	PERLAKSANAAN PROGRAM BERTAULIAH	20
6.1	Tempoh Latihan	20
6.2	Perlaksanaan Latihan	20
6.2.1	Perlaksanaan Latihan di Premis yang Ditauliahkan	21
6.2.2	Perlaksanaan Latihan di Luar Premis	22
6.3	Pendaftaran Peperiksaan	23
6.4	Perlaksanaan Peperiksaan	23
6.4.1	Perlaksanaan Peperiksaan di Luar Premis	25
7.0	LARANGAN KEPADA PUSAT BERTAULIAH	25
8.0	TARIKH KUATKUASA	26

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran 1	Senarai Semak Permohonan :
i.	Pusat Bertauliah Baharu
ii.	Pembaharuan Pentauliahkan
iii.	Pentauliahkan Program Latihan Tambahan
iv.	Perubahan Program Bertauliah
v.	Pindaan Nama Pusat Bertauliah
vi.	Pindaan Nama Syarikat Pemilik
vii.	Pindaan Premis Program Bertauliah
Lampiran 2	Borang Permohonan Pusat Bertauliah dan Program Kemahiran
Lampiran 3	Notis Pertukaran Pemilikan dan Penamatan Pentauliahkan Pusat Bertauliah
Lampiran 4	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Radiografi
Lampiran 5	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Ultrasonik
Lampiran 6	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Partikel Magnet
Lampiran 7	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Penembusan
Lampiran 8	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Arus Pesar
Lampiran 9	Templet Jadual Mingguan Latihan

**PANDUAN PELAKSANAAN DAN SYARAT PENTAULIAHAN PUSAT
BERTAULIAH DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
BERASASKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2012
BAGI PROGRAM UJIAN TANPA MUSNAH**

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaualiahan Pusat Bertauliah Dibawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujua menetapkan keperluan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui pusat bertaualiah (PB). Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat pentaualiahan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

2.0 TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**Akta 652**” ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

“**Daftar Standard**” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diwujudkan di bawah Akta 652.

“**jurutunjuk**” ertinya seseorang yang berkelayakan untuk menyelia dan memberikan tunjuk ajar semasa latihan amali.

“**kelayakan**” ertinya apa-apa pengalaman kerja dalam bidang kemahiran tertentu atau apa-apa sijil, diploma, ijazah yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

“**Ketua Pengarah**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

“kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya.

“pakej pembelajaran” ertinya dokumen latihan yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran berasaskan Standard.

“Jawatankuasa Latihan Pusat Bertauliah (JLPB)” ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada personel tertentu PB dengan diketuai oleh PL untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

“Pengajar (NDT-I)” ertinya seseorang yang berkeelayakan untuk membimbing, menyelia dan memberikan tunjuk ajar semasa latihan teori dan amali.

“Pengurus Latihan (PL)” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan.

“personel pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus latihan (PL), pengajar (NDT-I) atau Jurutunjuk (JT), yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran.

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan.

“pihak berkuasa” ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran.

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard.

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk pelatih dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya.

“program bertauliah” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

“Pusat Bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 34 Akta 652.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) (National Occupational Skill Standard, NOSS)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652.

“subsektor” ertinya pecahan bidang kemahiran dalam sesuatu sektor merujuk kepada Daftar Standard yang terkini.

“tahap” ertinya tingkatan kemahiran dalam satu bidang pekerjaan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

3.0 SENARAI RINGKASAN

KAPPK	Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
JLPB	Jawatankuasa Latihan Pusat Bertauliah
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran

JT	Jurutunjuk
NDT	Non Destructive Testing
NDT-I	Pengajar NDT
NOSS	National Occupational Skills Standard
PB	Pusat Bertauliah (selepas mendapat pentaulliahan JPK)
PL	Pengurus Latihan
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran (yang belum mendapat pentaulliahan JPK)
SKM 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1
SKM 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2
SKM 3	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

4.0 KRITERIA PENTAULIAHAN

Sesebuah Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) yang ingin ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah (PB) hendaklah memenuhi kriteria berikut:-

4.1 Pemilikan Penyedia Latihan Kemahiran

PLK telah ditubuhkan dan didaftarkan secara sah -

- a. Sebagai syarikat Sendirian Berhad atau Berhad dan mempunyai modal berbayar minima RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu sahaja);
- b. Persatuan/pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia; atau
- c. Telah didaftarkan sebagai institusi latihan oleh mana-mana agensi kerajaan mengikut apa-apa peruntukan perundangan yang berkaitan.
- d. Bagi PLK dari badan agensi kerajaan seperti (Cth: Agensi Nuklear Malaysia), syarat 4.1 a - c tidak tertakluk.

4.2 Premis Latihan

PLK hendaklah memenuhi perkara berikut:

- a. Memiliki premis atau menyewa mana-mana premis dengan baki tempoh sewaan tidak kurang daripada satu (1) tahun;
- b. Telah mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Bomba untuk tujuan beroperasi sebagai pusat latihan;
- c. Telah mendapat kelulusan daripada agensi penguatkuasa bagi bidang kemahiran tertentu; Contohnya, bagi program Radiografi Industri, PLK perlu mendapat pentauliahkan JPK terlebih dahulu dan kemudiannya perlu mendapatkan Lesen H daripada LPTA bagi tujuan latihan dan peperiksaan.
- d. Memastikan premis terletak di persekitaran yang kondusif dan selamat untuk menjalankan latihan; dan
- e. Penggunaan premis latihan tambahan hendaklah mendapat kelulusan dari JPK.

4.3 Nama Pusat Bertauliah

Nama pusat bertauliah hendaklah mencerminkan sebuah institusi latihan kemahiran dan diluluskan oleh KPPK dan menepati perkara berikut:

- a. Tidak menyamai dengan nama PB lain;
- b. Tidak berkait dengan nama JPK atau bahagian di bawah JPK atau apa-apa yang berkaitan dengan JPK; dan
- c. Tidak mencerminkan entiti perniagaan atau syarikat. Contohnya ABC Sdn Bhd, XYZ Berhad dan sebagainya.

4.4 Kurikulum Latihan

Kurikulum latihan hendaklah dibangunkan mengikut NOSS terkini. PLK hendaklah menyediakan kurikulum latihan yang merangkumi seperti berikut:

- a. Matriks NOSS (jika perlu);
- b. Pakej pembelajaran yang lengkap iaitu Course of Study atau Learning Guide atau apa-apa pakej pembelajaran yang memenuhi keperluan NOSS;
- c. Bahan pembelajaran bertulis (Written Instruction Manual) bagi semua modul; dan
- d. Pelan pelaksanaan latihan, jadual latihan harian (template jadual standard) sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan.

4.5 Kemudahan Fizikal

PLK hendaklah menyediakan kemudahan fizikal berdasarkan program yang dimohon merangkumi kemudahan infrastruktur dan kemudahan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan.

4.5.1 Infrastruktur

PLK hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan mencukupi bagi maksud mewujudkan suasana latihan yang kondusif seperti berikut:

- a. Bilik kuliah - Keluasan minimum hendaklah 1.5 meter persegi untuk seorang calon dan boleh menempatkan sekurang-kurangnya 25 pelatih dalam satu sesi dengan selesa.
- b. Bengkel latihan - Keluasan minimum hendaklah 3 meter persegi untuk setiap calon.

Bilik kuliah dan bengkel latihan hendaklah dilengkapi kemudahan fizikal dan kelengkapan/peralatan serta pendingin udara atau kipas dan pencahayaan yang mencukupi.

PLK juga digalakkan menyediakan pusat sumber lengkap dengan kemudahan *Information and Communication Technology* (ICT) yang mencukupi.

4.5.2 Kelengkapan, peralatan dan bahan Latihan

PLK hendaklah menyediakan kelengkapan, peralatan dan bahan latihan mengikut kehendak NOSS sepenuhnya seperti berikut:

- a. Menyediakan dan memastikan kuantiti kelengkapan, peralatan dan bahan mencukupi mengikut bilangan pelatih;
- b. Memastikan peralatan berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan;
- c. Memastikan peralatan memenuhi keperluan perlesenan (jika berkaitan); dan
- d. Memastikan peralatan, kelengkapan dan bahan latihan mematuhi mana-mana undang-undang yang berkaitan.

Senarai peralatan dan rujukan (buku / standard) mengikut program yang hendak ditauliahkan adalah seperti di Lampiran berikut:

Lampiran 4	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Radiografi
Lampiran 5	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Ultrasonik
Lampiran 6	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Partikel Magnet
Lampiran 7	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Penembusan
Lampiran 8	Perlaksanaan Peperiksaan Kaedah Arus Pusing
Lampiran 9	TEM bagi kaedah RT-D

4.6 Personel Pentaualiahan

Mana-mana PLK yang memohon pentaualiahan hendaklah melantik personel pentaualiahan yang terdiri daripada Pengurus Latihan (PL), Pengajar (NDT-I) dan Jurutunjuk (JT). (NDT-I) dan JT perlu dilantik bagi setiap program.

PLK yang telah ditauliahkan hendaklah memastikan personel pentaualiahan mengemukakan permohonan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaualiahan ke JPK.

4.6.1 Pengurus Latihan (PL)

PL hendaklah terdiri daripada individu yang diberikuasa oleh pihak pengurusan PLK untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan Latihan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Menjadi pegawai perhubungan di antara JPK dan PB;
- c. Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- d. Memastikan segala program yang ditawarkan menepati keperluan NOSS terkini;
- e. Melaksana keperluan pendaftaran latihan dan peperiksaan melalui sistem yang ditetapkan;
- f. Melantik (NDT-I) dan JT mengikut kaedah NDT yang berkecukupan sahaja;

- g. Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan.
- h. Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di PB;
- i. Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak NOSS terkini; dan
- j. Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut kehendak NOSS dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh JPK.

4.6.1.1 Kriteria PL

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 25 tahun;
- c. Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
- d. Mempunyai pengalaman dalam mentadbir dan mengurus hal-hal berkaitan latihan kemahiran;
- e. Berkhidmat di satu PB sahaja; dan
- f. Hadir Kursus Pemantapan Personel SPKM NDT.
- g. **Memiliki Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) di PB.**

4.6.2 Pengajar (NDT-I)

NDT-I hendaklah terdiri daripada individu yang diberi kuasa oleh pihak pengurusan PLK untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- a. Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan NOSS terkini;
- b. Melaksanakan proses latihan dengan kebolehpercayaan, telus dan sah;
- c. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
- d. Bertanggungjawab terhadap kualiti pembelajaran.

4.6.2.1 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia ;
- b. Berkhidmat di satu PB sahaja;
- c. Hadir Kursus Pemantapan Personel SPKM NDT;
- d. Memiliki sekurang-kurangnya:
 - i. SKM Tahap 2 (atau kelayakkan yang setara yang dibenarkan oleh JPK) dengan 2 tahun pengalaman industri dalam kaedah NDT yang diajar (untuk NDT-I Tahap 1);
 - ii. SKM Tahap 2 (atau kelayakkan yang setara yang dibenarkan oleh JPK) dengan 5 tahun pengalaman industri dalam kaedah NDT yang diajar (untuk NDT-I Tahap 2);
 - iii. SKM Tahap 3 (atau kelayakkan yang setara yang dibenarkan oleh JPK) dengan 5 tahun pengalaman industri dalam kaedah NDT yang diajar (untuk NDT-I Tahap 3); dan
 - iv. **Memiliki Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) di PB.**
- e) Bagi bidang baharu, memiliki sekurang-kurangnya:
 - i) SKM NDT Tahap 2 dalam bidang NDT berkaitan dengan pengalaman industri sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang baharu tersebut (bagi NDT-I program NDT Tahap 2 bidang baharu);
 - ii) SKM NDT Tahap 3 dalam bidang NDT berkaitan dengan pengalaman industri sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang baharu tersebut (bagi NDT-I program NDT Tahap 3 bidang baharu);
 - iii) Menghadiri Kursus Training of Trainers (ToT) bagi teknik mengajar dan mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- f. Bagi program-program yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, NDT-I perlu

mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan.

- g. NDT-I hendaklah sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kompetensi semasa berkaitan prosedur dan amalan terbaik industri di dalam kaedah NDT yang dipertanggungjawabkan.
- h. Bagi program RT, sekiranya NDT-I terlibat dengan pengajaran amali hendaklah memiliki kad sinaran yang masih sah / lesen pengendali.

4.6.3 Jurutunjuk (JT)

JT hendaklah terdiri daripada individu yang diberikuasa oleh pihak pengurusan PLK untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- a. Melaksanakan proses latihan praktikal dengan kebolehpercayaan, telus dan sahih;
- b. Memantau perkembangan prestasi latihan praktikal dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan praktikal.

4.6.3.1 Kriteria

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berkhidmat di satu PB sahaja;
- c. Hadir Kursus Pemantapan Personel SPKM NDT.
- d. Memiliki sekurang-kurangnya:
 - i. SKM Tahap 2 (atau kelayakkan yang setara yang dibenarkan oleh JPK) dengan 1 tahun pengalaman industri dalam kaedah NDT yang diajar (untuk JT Tahap 1); atau
 - ii. SKM Tahap 2 (atau kelayakkan yang setara yang dibenarkan oleh JPK) dengan 2 tahun pengalaman industri dalam kaedah NDT yang diajar (untuk JT Tahap 2);

- e. Bagi bidang baharu, memiliki sekurang-kurangnya SKM NDT Tahap 2 dalam bidang NDT baharu tersebut dengan pengalaman industri sekurang-kurangnya dua (2) tahun (bagi Jurutunjuk program NDT Tahap 2 dan Tahap 3).
- f. Bagi program RT, JT hendaklah memiliki kad sinaran yang masih sah / lesen pengendali.
- g. Bagi bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, JT perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan.
- g. JT hendaklah sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kompetensi semasa berkaitan prosedur dan amalan terbaik industri di dalam kaedah NDT yang dipertanggungjawabkan.

5.0 STRUKTUR PENTAULIAHAN PROGRAM

- a. Struktur pentauliahan program merangkumi proses permohonan bagi perkara perkara berikut:-
 - i. Permohonan Pentauliahan Program (Pusat Baru)
 - ii. Pembaharuan Pentauliahan
 - iii. Pentauliahan Program Latihan Tambahan
 - iv. Perubahan Program Bertauliah,
 - v. Pindaan Maklumat Pentauliahan,
 - vi. Pertukaran Pemilikan Pusat Bertauliah,
 - vii. Penamatan Pentauliahan,
 - viii. Penggantungan Atau Pembatalan Pentauliahan dan
 - ix. Gantian Sijil Akuan Pentauliahan Yang Hilang Atau Rosak.
- b. Bagi sebarang permohonan pentauliahan program di atas, PLK/PB perlulah memenuhi kriteria permohonan umum yang berikut:-
 - i. Mengemukakan permohonan pentauliahan yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh PL beserta dokumen sokongan yang berkaitan;

- ii. Membuat bayaran fi yang ditetapkan mengikut "Peraturan-peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2016" yang sedang berkuatkuasa (bagi permohonan yang berkenaan sahaja);
- iii. Dokumen serta syarat tambahan seperti yang dinyatakan mengikut jenis permohonan. KPPK boleh, pada bila-bila masa, selepas menerima permohonan pentauliahan program, melalui notis bertulis menghendaki PB untuk memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diperlukan dalam tempoh seperti yang ditentukan oleh KPPK. Jika dokumen dan maklumat tambahan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan itu dianggap terbatal.

5.1 Permohonan Pentauliahan Program (Pusat Baru)

Bagi tujuan pentaulihan program (pusat baru), PLK hendaklah-

- a. Memenuhi Kriteria Pentauliahan perkara 4
- b. Memenuhi Kriteria Permohonan Umum perkara 5.2 (a-c).
- c. Memastikan berkeupayaan melaksanakan latihan merangkumi tahap kemahiran yang dipohon.

JPK bolehlah pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentauliahan program yang dikemukakan.

PB yang telah diluluskan permohonan program bertauliah akan dianugerahkan Sijil Akuan Pentauliahan dan hendaklah mematuhi Seksyen 26 Akta 652.

5.2 Pembaharuan Pentauliahan

Bagi tujuan pembaharuan pentauliahan, PB hendaklah-

- a. Memenuhi Kriteria Pentauliahan perkara 4
- b. Memenuhi kriteria permohonan umum perkara 5.2 (a-c).
- c. Mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan kepada KPPK sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan berkenaan.

Mana-mana PB yang gagal mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan, tidak diluluskan atau dianggap terbatal, PB hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan latihan dan penilaian pelatih sedia ada.

Mana-mana PB yang telah tamat pentauliahkan atas apa-apa sebab tetapi masih berminat melaksanakan latihan, hendaklah mengemukakan permohonan sebagai pusat bertauliah baru.

JPK bolehlah pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentauliahkan program yang dikemukakan. Bagi pusat yang mendapat penarafan bintang 3 ke atas, lawatan boleh dikecualikan.

PB yang telah diluluskan permohonan program bertauliah akan dianugerahkan Sijil Akuan Pentauliahkan dan hendaklah mematuhi Seksyen 26 Akta 652.

5.3 Pentauliahkan Program Latihan Tambahan

Bagi tujuan pentauliahkan program latihan tambahan, PB hendaklah-

- a. Memenuhi Kriteria Pentauliahkan perkara 4
- b. Memenuhi Kriteria Permohonan Umum perkara 5.2 (i-iii).
- c. Memastikan berkeupayaan melaksanakan latihan merangkumi tahap kemahiran yang dipohon.

JPK bolehlah pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentauliahkan program yang dikemukakan.

PB yang telah diluluskan permohonan program bertauliah akan dianugerahkan Sijil Akuan Pentauliahkan dan hendaklah mematuhi Seksyen 26 Akta 652.

5.4 Perubahan Program Bertauliah

Mana-mana NOSS yang dijumudkan atau dikajisemula dan melibatkan pertukaran kod memerlukan tindakan PB seperti berikut:

- a. PB boleh menjalankan program latihan menggunakan NOSS yang telah dikaji semula/dijumudkan sehingga pentauliahkan program berkenaan tamat tempoh.
- b. Memenuhi Kriteria Pentauliahkan perkara 4
- c. Memenuhi Kriteria Permohonan Umum perkara 5.2 (a-c).
- d. Mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahkan kepada KPPK sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahkan berkenaan dengan mengemukakan permohonan menggunakan kod NOSS yang baru;

JPK bolehlah pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentauliahan program yang dikemukakan.

PB yang telah diluluskan permohonan program bertauliah akan dianugerahkan Sijil Akuan Pentauliahan dan hendaklah mematuhi Seksyen 26 Akta 652.

5.5 Pindaan Maklumat Pentauliahan

5.5.1 Pindaan Nama Pusat Bertauliah

Mana-mana PB yang ingin meminda nama PB hendaklah:

- a. Memenuhi Kriteria Pentauliahan perkara 4
- b. Memenuhi kriteria permohonan umum perkara 5.2 (a-c).
- c. Mengemukakan justifikasi permohonan pindaan nama PB;
- d. Mengemukakan surat persetujuan/undertaking letter menerima tanggungjawab terhadap pelatih sedia ada;
- e. Mengemukakan surat persetujuan ahli Lembaga Pengarah/Pengurusan Tertinggi;
- f. Mengemukakan salinan surat lantikan dan penerimaan lantikan personel pentauliahan atas nama PB baru.

5.5.2 Pindaan Nama Syarikat Pemilik

Mana-mana PB yang ingin meminda nama syarikat pemilik hendaklah:

- a. Memenuhi kriteria permohonan umum perkara 5.2 (a-c).
- b. Mengemukakan
 - i. Salinan sijil pendaftaran syarikat beserta Borang 24, Borang 49 dan Memorandum & Article of Association bagi syarikat pemilik baru yang telah disahkan;
 - ii. Salinan dokumen pendaftaran pertubuhan bagi pemilik pertubuhan baru; atau
 - iii. Salinan dokumen pendaftaran dengan agensi lain yang berkaitan.
- c. Surat persetujuan ahli Lembaga Pengarah; dan

5.5.3 Pindaan Premis Pusat Bertauliah (melibatkan negeri yang sama sahaja)

Mana-mana PB yang ingin memohon pindaan premis (negeri yang sama sahaja), PB hendaklah:

- a. Memenuhi kriteria permohonan umum perkara 5.2 (a-c).
- b. Bertanggungjawab terhadap segala urusan latihan dan peperiksaan pelatih sedia ada;
- c. Melengkapkan segala peralatan latihan di premis baru; dan
- d. Memastikan tiada pengambilan pelatih baru dibuat sehingga permohonan diluluskan.

JPK bolehlah pada bila-bila masa yang munasabah, mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentaualihan tersebut.

5.5.4 Pindaan / penambahan Personel Pentaualihan

Mana-mana PB yang ingin memohon pindaan personel pentaualihan, PB hendaklah mengemukakan seperti berikut:

- a. Memenuhi kriteria permohonan umum perkara 5.2 (a-c).
- b. Carta organisasi pentaualihan (PL, NDT-I dan JT) yang baru; dan
- c. Salinan :
 - i. Surat lantikan dan penerimaan lantikan personel pentaualihan yang terlibat; dan
 - ii. Dokumen yang berkaitan dengan kriteria NDT-I dan JT seperti perkara 4.6.2 dan 4.6.3.

JPK boleh pada bila-bila masa yang munasabah, mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pentaualihan tersebut.

KPPK akan mengeluarkan Surat Kelulusan Pindaan Maklumat Pusat Bertauliah kepada pemohon yang didapati layak.

5.6 Pertukaran Pemilikan Pusat Bertauliah

- a. Mana-mana PB yang akan membuat pertukaran pemilikan secara keseluruhan, hendaklah:

- i. Menyelesaikan segala urusan latihan dan peperiksaan pelatih yang telah mendaftar di PB sedia ada;
 - ii. Mengemukakan notis penamatan pentauliahan;
 - iii. Mengembalikan sijil asal Akuan Pentauliahan; dan
 - iv. Mengemukakan permohonan pentauliahan baru sekiranya masih berminat melaksanakan program latihan.
- b. Mana-mana PB yang berhasrat membuat pertukaran sebahagian Lembaga pengarah syarikat, seperti yang disenaraikan di dalam Borang 24 dan Borang 49 (Akta Syarikat 1965, Seksyen 14[16]), PB hendaklah mengemukakan surat pelepasan oleh ahli Lembaga Pengarah yang menarik diri dan dipersetujui oleh semua ahli Lembaga Pengarah serta disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.

5.7 Penamatan Pentauliahan

- a. Bagi mana-mana PB yang ingin menamatkan pentauliahan hendaklah-
 - i. mengemukakan notis pertukaran pemilikan dan penamatan pentauliahan seperti di Lampiran 3;
 - ii. menyelesaikan segala urusan latihan dan peperiksaan pelatih yang telah mendaftar di PB sedia ada; dan
 - iii. mengembalikan sijil asal Akuan Pentauliahan atau Surat Kelulusan Pentauliahan bagi kelulusan bersyarat kepada KPPK.
 - iv. Sijil pentauliahan terbatal dengan sendiri dan tidak dipamerkan
- b. Surat kelulusan penamatan akan hanya dikeluarkan setelah pemilik asal menyelesaikan perkara (a) di atas.

5.8 Penggantungan Atau Pembatalan Pentauliahan

KPPK bolehlah, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan pentauliahan yang diberikan kepada mana-mana PB berdasarkan Seksyen 29, Akta 652.

5.9 Gantian Sijil Akuan Pentauliahan Yang Hilang Atau Rosak

Mana-mana PB hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada KPPK bagi mendapatkan gantian Sijil Akuan Pentauliahan yang hilang atau rosak dengan menyertakan dokumen berikut:-

- a. Laporan Polis; dan
- b. Surat Akuan Sumpah; atau
- c. Salinan Sijil Akuan Pentauliahan.

6.0 PELAKSANAAN PROGRAM BERTAULIAH

PB hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut iaitu :

6.1 Tempoh latihan

- a. PB hendaklah melaksanakan tempoh latihan seperti Jadual 1 di bawah.
Bagaimanapun, sekiranya tempoh latihan telah dinyatakan dalam NOSS, hendaklah mengikut keperluan tempoh tersebut.

Jadual 1 : Keperluan latihan (jam) berdasarkan NOSS NDT

Program	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
ET	40	96	48
MT	30	49	79
PT	18	27	72
RT	85	102	123
UT	62	95	92
RT-D	-	60	48

- b. Tempoh latihan harian bagi setiap pelatih tidak melebihi 8.5 jam sehari (tidak termasuk waktu rehat) atau mana-mana tempoh yang diluluskan oleh KPPK.
- c. Jumlah jam merangkumi kedua-dua latihan teori dan praktikal. Pecahan tempoh latihan teori dan praktikal adalah seperti yang ditetapkan di dalam dokumen NOSS.
- d. Bagi kemasukan terus ke Tahap 2, jumlah jam latihan merangkumi jumlah jam Tahap 1 dan Tahap 2.
- e. Bagi kemasukan terus ke Tahap 3, jumlah jam latihan merangkumi jumlah jam Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Bagi mengambil kira tanggungjawab sebagai pemegang SKM Tahap 3 dan keperluan peperiksaan asas (basic)

Bahagian C, latihan tambahan terhadap lain-lain kaedah NDT mungkin diperlukan oleh calon peperiksaan.

- f. Bagi calon yang mempunyai SKM NDT Tahap 3 yang masih sah dan ingin menambah kaedah NDT Tahap 3 yang lain, tempoh latihan bagi Unit Kompetensi (CU) berikut boleh dikecualikan dengan kebenaran Jabatan:-
 - i. material technology and process applications;
 - ii. NDT works quality assurance;
 - iii. NDT organisation and administration;
 - iv. NDT personnel qualification and certification.
- g. Bagi kaedah RI yang terhad kepada satu sektor produk sahaja, tempoh latihan minimum yang diperlukan adalah 56 jam.

6.2 Perlaksanaan Latihan

6.2.1 Perlaksanaan latihan di premis yang ditauliahkan

- a. Menjalankan program bertauliah di premis yang telah ditauliahkan sahaja.
- b. PB perlu merancang kursus dan sesi peperiksaan bagi 1 tahun semasa dan memberikan satu salinan perancangan ke JPK.
- c. Mengambil pelatih berdasarkan kepada :
 - i. Nisbah maksima per sesi iaitu dua puluh lima (25) pelatih bagi setiap program; dan
 - ii. Bilangan dan nisbah kemudahan latihan, peralatan, kelengkapan dan bahan latihan yang terdapat di PB yang bersesuaian mengikut NOSS.
- d. Memastikan personel pentaualiahan (PL, NDT-I, JT) memenuhi kriteria dan mendapat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaualiahan daripada CIAST; dan
- e. Mewujudkan Jawatankuasa Latihan Pusat Bertauliah(JLPB) yang bertanggungjawab seperti berikut;
 - i. Merangka prosedur pengajaran dan pembelajaran;
 - ii. Memastikan dokumentasi pengajaran dan pembelajaran yang seragam;
 - iii. Meluluskan kandungan dokumen pengajaran dan pembelajaran;

- iv. Meluluskan kaedah penilaian dalaman;
- v. Mengawasi & memastikan kesahihan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran;
- vi. Memantau kualiti pengajaran dan pembelajaran termasuk kualiti pengajar;
- vii. Mengadakan mesyuarat jawatankuasa sekurang-kurangnya 4 kali setahun ;

Keahlian JLPB adalah terdiri daripada:

- i. Pengurus Latihan (PL);
 - ii. NDT-I; dan
 - iii. Jurutunjuk (JT)
- f. Menerangkan struktur yuran latihan yang jelas kepada pelatih.
 - g. Mematuhi arahan JPK untuk memperbaiki sebarang kekurangan atau ketidaksesuaian dalam hal-hal berkaitan kemudahan/peralatan/kaedah latihan dan penilaian;
 - h. Mempamerkan di papan kenyataan atau lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang awam bagi perkara berikut:
 - i. Sijil/suratakuan pentauliahan yang asli; dan
 - ii. Carta organisasi dengan menyenaraikan personel pentauliahan yang terlibat bagi program yang dipertanggungjawabkan;
 - i. Menjalankan pengesanan pelatih yang telah tamat latihan (tracer study) bagi mendapatkan maklumat keberkesanan latihan dan kebolehkkerjaan bagi tujuan pemantauan tahunan JPK.
 - j. Mengemaskini dan menyimpan rekod kehadiran dan penilaian pelatih sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tamat latihan;

6.2.2 Perlaksanaan latihan di luar premis

- a. PB perlu memohon kebenaran utk menjalankan latihan di luar premis sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum latihan bermula dan hendaklah mendapat kelulusan KPPK / P(MOSQ).
- b. Sekiranya perlu, JPK boleh mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan perlaksanaan latihan di luar premis.

- c. Sekiranya latihan melibatkan kerjasama dengan organisasi lain, satu salinan dokumen persetujuan antara dua pihak perlu dihantar kepada JPK.
- d. Sekiranya melibatkan tenaga pengajar selain daripada PB, tenaga pengajar yang dilantik perlulah mematuhi kriteria NDT-S NDT-I seperti Klausula 4.6.2 dan/atau kriteria JT seperti klausula 4.6.3.
- e. PB bertanggungjawab memastikan fasiliti latihan di luar premis mematuhi klausula 4.5 dan bagi program RT, perlulah memenuhi keperluan peraturan LPTA.
- f. Pengambilan pelatih seperti perkara 6.2.1 (b).

6.3 Pendaftaran Peperiksaan.

Mendaftarkan pelatih ke JPK dan menjelaskan yuran pendaftaran pelatih bagi tujuan peperiksaan (Baru, mengulang dan persijian semula) dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh latihan bermula. Pembayaran hendaklah dibuat melalui PB.

6.4 Perlaksanaan Peperiksaan

- a. PB hendaklah mengemukakan permohonan peperiksaan kepada KPPK/P(MOSQ) sepertimana digariskan dalam panduan penilaian yang sedang berkuatkuasa. Permohonan peperiksaan hendaklah dikemukakan bersekali semasa surat makluman perlaksanaan kursus selewat-lewatnya 10 hari sebelum kursus hendak dilaksanakan;
- b. PB hendaklah mendaftar calon-calon peperiksaan berserta bayaran seperti Peraturan Kadar Fi & Caj 2016 ke JPK selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh peperiksaan. PB perlu menyemak:
 - i. tempoh sah Sijil calon peperiksaan yang hendak didaftarkan (bagi calon peperiksaan verifikasi), atau
 - ii. tempoh sah Sijil Tahap 1 (bagi calon yang hendak menduduki peperiksaan di Tahap 2 kemasukan normal); atau
 - iii. tempoh slip keputusan yang terdahulu (bagi calon peperiksaan mengulang).

Hanya calon yang masih mempunyai tempoh sijil atau tempoh slip keputusan yang sah, yang dibenarkan menduduki peperiksaan.

- c. Sekiranya JPK tidak menerima dokumen permohonan yang lengkap atau bayaran fi peperiksaan sebelum peperiksaan dilaksanakan, JPK berhak menghalang calon berkenaan daripada menduduki peperiksaan atau membekukan pengeluaran slip keputusan peperiksaan sehingga bayaran dijelaskan.
- d. Bagi pelatih yang mengikuti kursus Tahap 2 secara kemasukan terus (direct access), beliau boleh memilih untuk menduduki peperiksaan di Tahap 1 atau Tahap 2 kemasukan terus. Bagaimanapun sekiranya calon tersebut gagal di peperiksaan kali pertama, beliau hanya dibolehkan mengulang pada tahap yang sama sahaja.
- e. PB hendaklah memaklumkan kepada pelatih hari, masa dan tempat peperiksaan yang telah dijadualkan dan memastikan calon yang telah didaftarkan sahaja, hadir pada peperiksaan yang telah ditetapkan.
- f. Sekiranya calon peperiksaan yang telah didaftarkan tidak hadir untuk menduduki peperiksaan, PB perlu memaklumkan kepada JPK seberapa segera dan mengemukakan bukti (surat sakit dari klinik atau hospital kerajaan sahaja atau salinan surat kematian keluarga terdekat) ke JPK selewat-lewatnya 5 hari selepas tarikh peperiksaan.
- g. Slip keputusan peperiksaan akan dikeluarkan oleh JPK kepada PB selewat-lewatnya 21 hari dari tarikh Mesyuarat Keputusan Peperiksaan dilaksanakan.
- h. PB bertanggungjawab untuk menyerahkan slip keputusan peperiksaan kepada calon yang didaftarkan.
- i. Calon peperiksaan oleh membuat permohonan semakan semula keputusan peperiksaan kepada JPK samada secara individu atau melalui PB dalam tempoh 60 hari dari tarikh Mesyuarat Keputusan Peperiksaan.
- j. Calon boleh mengambil peperiksaan samada sebagai calon baru, mengulang atau calon peperiksaan verifikasi di PB NDT yang lain (selain daripada PB asal) dengan syarat calon telah mendapat persetujuan kedua-dua PB berkenaan.

6.4.1 Pelaksanaan peperiksaan di luar premis

- a. PB perlu memohon kebenaran untuk menjalankan peperiksaan di luar premis semasa permohonan kursus dibuat dan hendaklah mendapat kelulusan KPPK / P(MOSQ).
- b. Sekiranya perlu, JPK boleh mengadakan pemeriksaan ke premis untuk memastikan kesahihan permohonan pelaksanaan peperiksaan di luar premis.
- c. Sekiranya peperiksaan melibatkan kerjasama dengan organisasi lain, satu salinan dokumen persetujuan antara dua pihak perlu dihantar kepada JPK.
- d. PB bertanggungjawab memastikan fasiliti peperiksaan di luar premis mematuhi klausa 4.5 dan bagi program RT, perlulah memenuhi keperluan peraturan LPTA.

7.0 LARANGAN KEPADA PUSAT BERTAULIAH

Pusat Bertauliah adalah dilarang melakukan mana-mana perkara berikut:

- a. Sebarang tindakan yang boleh diertikan sebagai mencemar imej Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Menghalang mana-mana pelatih daripada berhenti mengikuti latihan kecuali atas kerelaan pelatih;
- c. Melaksanakan latihan di premis yang belum mendapat kelulusan pentauliahan JPK;
- d. Mempamer atau menyiar sebarang iklan atau publisiti berkaitan pentauliahan yang kurang tepat atau mengelirukan dalam mana-mana media cetak / elektronik;
- e. Membenarkan mana-mana pihak atau agen mengurus pengambilan pelatih tanpa kelulusan KPPK;
- f. Membuat pengambilan pelatih melebihi kapasiti yang diluluskan;
- g. Melaksanakan latihan tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan; atau
- h. Mengemukakan maklumat palsu kepada JPK bagi tujuan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. (Contoh: Maklumat personel, rekod pelatih, rekod penilaian, maklumat peralatan dan lain-lain).

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Peraturan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam aktiviti Persijilan Kemahiran Malaysia.

KETUA PENGARAH

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.

OGOS 2020